



conference proceeding



# SIMPOSIUM NUSANTARA<sup>9</sup>

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO  
*Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World*

11 & 12 December 2012  
Al-Khawarizmi Lecture Hall  
UiTM(Perak)

Organized by:  
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE : HP410

## HISTORY OF THE ARRIVAL OF ISLAM IN MALAYSIA: AN ANALYSIS OF EARLY ISLAMIC OCCUPATION IN MALAYSIA

**Mohd Zahirwan Halim Bin Zainal Abidin, Shahril Nizam Bin Zulkipli, Hamdi Rahman Bin Mohd Yaacob, Muhammad Yusri Bin Yusof @ Salleh, Paiz Bin Hassan, Ab. Munir Bin Mohd Noh, Mohd Muhaizam Bin Md Ishak**

*Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Kedah), Malaysia  
mohd:560@perak.uitm.edu.my*

---

### Abstrak

Sejarah kedatangan Islam ke Nusantara secara amnya dan ke Malaysia (dahulunya Tanah Melayu) sememangnya sudahpun dibincangkan secara meluas di dalam karya-karya sejarah tempatan ataupun dalam karya para orientalis Barat. Justeru ianya lahirlah berbagai pendapat dan teori berkenaan kedatangan Islam ke Malaysia sama ada berdasarkan kepada tarikh-tarikh yang dikesan pada artifak, penulisan-penulisan ataupun kesan-kesan sejarah lain yang ditemui. Perkara ini juga melibatkan penentuan kawasan pertapakan Islam terawal di Malaysia, yang hingga kini masih diperdebatkan di kalangan sejarawan terutamanya sejarawan tempatan. Kertas kerja ini cuba merungkai permasalahan ini berdasarkan bukti daripada penulisan sejarah secara komparatif, terutamanya yang menyentuh tarikh pertapakan Islam di tempat-tempat di Malaysia.

**Kata Kunci:** Sejarah Melayu, Sejarah Islam, Kependudukan Islam, Budaya Melayu., Kependudukan Terawal

---

### 1. Pendahuluan

Kedatangan Islam ke Nusantara telah mengubah kehidupan masyarakatnya daripada agama Hindu, Buddha dan Animisme kepada mempercayai dan mentauhidkan Allah SWT. Islam telah berperanan mengubah kehidupan masyarakat Nusantara kepada kehidupan yang lebih baik berbanding zaman sebelum Islam. Masyarakat Nusantara keseluruhannya telah mengamalkan nilai-nilai murni selaras dengan ajaran Islam itu sendiri merangkumi aspek politik, budaya, ekonomi, keilmuan dan juga sosial.

Malaysia adalah salah sebuah negara yang termasuk di dalam rumpun Melayu ataupun Nusantara yang satu masa dahulu dikenali dengan nama Tanah Melayu. Malaysia adalah salah satu tempat pertapakan agama Islam yang utama selain daripada negara-negara seperti Indonesia, Selatan Thailand, Brunei dan Filipina. Ia juga merupakan sebuah tempat yang menjaditumpuan penyebaran Islam kerana terdapat beberapa pelabuhan yang berperanan sebagai tempat perdagangan utama seperti negeri Melaka yang menjadi sebuah empayar besar dan gemilang sekitar abad ke 15 M dan awal abad ke 16 M. Selain Melaka, terdapat juga negeri-negeri lain yang dibincangkan di dalam karya-karya sejarah sama ada karya tempatan ataupun karya orientalis berhubung dengan tempat-tempat tumpuan para pedagang atau para pendakwah seperti negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu yang juga menjadi sebutan sebagai tempat agama Islam berkembang selain daripada negeri Melaka.

### 2. Kedatangan Islam Ke Malaysia

Kedatangan pedagang dan pendakwah Islam dikesan bermula sejak abad ke 7 M lagi dan para pendakwah telah berada di beberapa tempat di Nusantara. Kumpulan kecil pendakwah telah berada di bahagian barat Sumatera (674 M dan 878 M), di Jawa (1082 M), di Champa (1039 M), di semenanjung Tanah Melayu (878 M dan 1302 M) dan semakin bertambah pada abad ke 15 M (Arbaiyah Mohd Noor 2011 : 30). Islam bertapak di Nusantara dengan kedamaian, beransur-ansur, serta diterima secara sukarela oleh anggota masyarakat (Hamka 1980 h: 418).

Malaysia juga adalah di antara negara yang terkenal dengan pengaruh dan pengamalan Islam oleh masyarakat Melayu keseluruhannya. Ia merupakan agama majoriti penduduk Melayu di negara ini dan banyak kesan-kesan serta pengaruh Islam dapat dilihat dalam konteks politik, ekonomi, sosial, budaya dan pendidikan yang memperlihatkan pentingnya ajaran Islam bagi penduduknya sehingga agama rasmi bagi Malaysia ialah agama Islam. Teori-teori kedatangan Islam ke Malaysia juga amat menarik untuk dikaji dan ia banyak dibincangkan dalam sumber-sumber tempatan, China dan juga sumber Barat.

## 2.1 Islam di negeri Kedah

Negeri Kedah dikatakan antara negeri terawal menerima Islam sekitar abad ke 9 M dan menerima Islam sepenuhnya pada abad ke 12 M iaitu pada tahun 531 H / 1136 M apabila raja Kedah, Seri Paduka Maharaja Derbar Raja II diislamkan oleh Syeikh Abdullah al-Yamani dengan gelaran Sultan Mudzaffar Shah (Wan Shamsuddin Bin Mohd Yusof 2012: 5). Ia adalah negeri yang terawal menerima Islam berbanding negeri-negeri lain di Malaysia berdasarkan kepada kesan-kesan sejarah dan sumber-sumber asing (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah 1991 : 10). Perkara ini berdasarkan penemuan batu nesan Syeikh Ab. Kadir Ibn Husain Shah Alirah di Tanjung Ingeris, Langgar, Alor Setar bertarikh 290 H / 902 M (Arbaiyah Mohd Noor 2011 : 30).

Dua sumber bertulis yang menjadi rujukan untuk pertapakan Islam di Kedah ialah *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *al-Tarikh Silsilah Negeri Kedah.Hikayat Merong Mahawangsa* mencatatkan bahawa Sultan Kedah yang pertama memeluk Islam ialah Sultan Mudzaffar Shah yang diislamkan oleh Syeikh Abdullah Yamani. Manakala *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* mencatatkan seluruh rakyat Kedah memeluk Islam pada 531 H / 1136 M ( Wan Shamsuddin Bin Mohd Yusof 2012 : 6 ).

Selain daripada itu, pedagang-pedagang Arab serta ilmuan geografi Arab dan Parsi telah mengetahui tentang nama negeri Kedah yang disebut sebagai *Kalah* atau *Kalah Bar* pada abad ke 9 M. Selain itu, orang-orang Cina mengenali Kedah dengan nama *Chieh-cha* pada abad ke 7 M ( Yahaya Abu Bakar 1991 : 34 ). Oleh itu, dapat dikatakan negeri Kedah telah terlibat dalam kegiatan perdagangan tradisi di Asia Tenggara sejak abad awal Masehi lagi iaitu sebelum dan selepas abad ke 7 M. Ia mempunyai pelabuhan sebagaimana tempat-tempat perdagangan yang lain di Asia Tenggara seperti Chaiya, Ligor, Patani, Jambi dan Palembang dengan sifat semulajadi dari segi kedudukan di tengah-tengah jalan perdagangan antara India dan China yang berperanan sebagai pusat persinggahan, pengumpulan dan pemasaran berbagai barangan yang diperlukan di rantau ini ( Yahaya Abu Bakar 1991 : 35 ).

Pelabuhan tersebut dikatakan terletak di Lembah Bujang (<http://portal.kedah.gov.my>). Ia terletak di Kuala Merbok.Terdapat penemuan binaan masjid purba di Kampung Pengkalan Bujang, Daerah Kuala Muda yang dibina pada abad ke 9 M yang terletak di antara dua tapak kuil Hindu dan kuil Buddha. Bentuk masjid tersebut sama sebagaimana masjid-masjid lama di Kedah yang mengandungi kubah dan anjung di sebelah kiri dan kanan. Ia dikatakan toleransi sultan ketika itu yang beragama Hindu terhadap kebebasan beragama (Wan Shamsuddin Bin Mohd Yusof 2012 : 5).

Syed Naguib al-Attas pula mengatakan bahawa agama Islam telah dibawa ke Kedah oleh masyarakat Islam yang melarikan diri daripada pemberontakan Canton di China sekitar tahun 876 M yang menyaksikan penghijrahan mereka secara beramai-ramai ke Kepulauan Melayu iaitu ke Kedah dan Palembang (Syed Naguib al-Attas 1969 h : 11) (S.Q. Fatimi 1969 h: 25). Selain itu, terdapat artifak yang membuktikan Islam bertapak di Kedah lebih awal. Antaranya penemuan matawang perak dari Dinasti Abbasiyah zaman Khalifah al-Mutawakkil (876-861).Di samping itu, inskripsi serta artifak-artifak lain dari Timur Tengah yang ditemui semasa kerja ekszafasi sejak sebelum Perang Dunia di Lembah Bujang. Antaranya sekeping batu yang ditemui di sekitar Gunung Jerai yang mencatat nama tokoh dan tarikh iaitu "Ibni Sirdan 214 H" (829 M) dalam askara Jawi yang menunjukkan adanya tokoh Islam dari Timur Tengah atau Parsi seperti Ibni Sirdan mengembara untuk menyebarkan dakwah Islam di negeri Kedah (Wan Shamsuddin Bin Mohd Yusof 2012 : 4).

Namun, sejarah pertapakan dan penyebaran Islam di Kedah selalunya dikaitkan dengan pendapat R.O. Winstedt dalam penulisan mengenai sejarah Kedah. Beliau lebih cenderung mengatakan Kedah menerima Islam pada tahun 1474 M berdasarkan pendapat penulis Aceh. Pendapat ini dapat dipertikaikan kerana Sultan Mahmud Shah II (1506-1546 M) adalah sultan Kedah yang kesepuluh yang pada pandangannya baru memeluk Islam. Namun pendapat Winstedt ini masih lagi dirujuk dan digunakan oleh sarjana Barat dan tempatan (Wan Shamsuddin Bin Mohd Yusof 2012 : 2-3).

## 2.2 Islam di Terengganu

Antara catatan yang membuktikan kemasukan dan keberadaan orang Islam di Terengganu ialah batu bersurat yang dijumpai di Sungai Tersat, Kuala Berang. Ia menunjukkan adanya sebuah kerajaan Islam di sekitar kawasan tersebut pada abad ke 13 M atau awal abad ke 14 M. Perkara ini tidak mustahil kerana akibat daripada Pemberontakan Canton 876 M di China, orang-orang Islam di sana telah melarikan diri ke kawasan Asia Tenggara dan kedudukan Terengganu yang menghadap ke selatan dari China, memungkinkan mereka singgah dan menetap di Terengganu serta menyebarkan agama Islam (Ahmad Jelani Halimi 2008 hh: 200-201)

Berdasarkan keterangan pada Batu Bersurat Terengganu, pengaruh Islam telah bertapak di Timur Laut<sup>1</sup> satu abad lebih awal daripada di bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu kerana tahun yang tercatat di batu tersebut ialah tahun 702 H/1303 M (Syed Naquib Al-Attas (1970 h: 23) . Batu Bersurat ini membuktikan Islam telah tersebar di negeri-negeri Pantai Timur Tanah Melayu pada abad ke 14 M sebelum ke Melaka (Richard Winstedt 1961 h: 27). Ia juga adalah dokumen tertua berkaitan dengan proses pengislaman di Semenanjung Tanah Melayu (G. Coedes 1968 h: 231). Batu Bersurat Terengganu ini juga merupakan bukti tertua tentang kewujudan sebuah negeri yang menjalankan undang-undang Islam dalam pemerintahan di Semenanjung Tanah Melayu (Mohd Mokhtar B.Shafie 1980 h: 26).

Islam dipercayai disebarkan oleh para pedagang Arab kerana Kuala Berang merupakan salah sebuah pelabuhan penting pada abad ke 13/14 M dan telah wujud komuniti Islam di Pantai Timur pada abad tersebut (Paul Wheatley 1964 hh: 128-129). Ia menunjukkan penduduk Terengganu telah menganut Islam lebih awal daripada penyebaran Islam di Melaka. Justeru, dapat dirumuskan bahawa Pantai Timur Semenanjung Malaysia telah menerima Islam lebih awal daripada Pantai Barat Semenanjung Malaysia (Abdullah Jusoh 1990 h: xviii). Paul Wheatley mengatakan, Kuala Berang yang berada bersebelahan dengan Pahang dan Kelantan memungkinkan Islam tersebar di negeri-negeri tersebut berdasarkan hubungan dan kesatuan geografi pada kurun ke 13 M, jika diambil kira kepada penemuan Batu Bersurat Terengganu abad ke 13/14 M tersebut ( Paul Wheatley 1961 h: 70 ). Berdasarkan Batu Bersurat ini juga, Islam telah sampai ke Terengganu dan sebelumnya ke Kelantan satu abad lebih awal dari Melaka (Ab. Razak Mahmud 2002 h: 112)

### 2.3 Islam di Kelantan

Menurut Prof. Khoo Kay Kim, sejarah kedatangan Islam ke Kelantan belum dikaji dengan teliti kerana kekurangan sumber atau bahan rujukan yang konkrit. Namun dengan melihat beberapa tulisan dan buku sejarah akan mendapat gambaran tentang tarikh kedatangan Islam dan dari mana Islam sampai ke Kelantan ( Khoo Kay Kim 1983 h: 99 ). Pendapat yang paling awal menyatakan bahawa Islam telah bertapak di Kelantan ialah pada sekitar abad ke 10 M. Ini adalah berdasarkan kepada catatan sejarah Dinasti Sung (960-1279 M) yang menyatakan bahawa Islam telah lahir di sepanjang pantai Laut China Selatan pada tahun 977 M (Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid 1993 h: 275 ). Ketika itu, telah adanya ramai orang Islam di sekitar Laut China Selatan. Di peringkat awal ini, pastinya sebahagian besar orang Islam itu adalah berketurunan Arab atau Parsi (Mahayuddin Hj. Yahya 2001 h: 23).

Pandangan kedua pula menyatakan bahawa Islam telah bertapak di Kelantan selewat-lewatnya pada abad ke 12 M. Ini berdasarkan kepada penemuan duit atau wang emas di Kubang Labu (bekas ibu kota Kelantan) yang terletak di tebing barat Sungai Kelantan berhadapan dengan bandar Kota Bharu pada 1912 M<sup>2</sup> yang bertarikh 557 H iaitu bersamaan 1181 M (Nik Mohamed B. Nik Mohd Salleh 1985 h: 96). Kota Kubang Labu merupakan salah sebuah kota terawal dibuka di Kelantan iaitu pada tahun 1702 M oleh Tuan Sulong<sup>3</sup> dan kota ini merupakan pusat pemerintahan negeri Kelantan masa itu (Adi Hj. Taha (1987 h : 89 ).

Sultan yang memerintah dan menduduki takhta kerajaan ketika itu ialah *al-Mutawakkil* (Mohd Zain Salleh 1986 h : 2). Wang dinar tersebut telah digunakan dalam urusan jual beli di Kelantan pada waktu itu (Mohd Jamil Mukmin 1992 h: 309). Walaupun terdapat sesetengah sejarawan mengatakan wang tersebut telah dibawa oleh pedagang-pedagang Arab, namun ia telah membuktikan adanya pedagang-pedagang Islam di daerah tersebut kerana Kelantan adalah sebuah pelabuhan penting di Pantai Timur Tanah Melayu yang menjadi persinggahan para pedagang Islam Asia Barat ke China (Dr. Hj. Abdullah Ishak 1992 h: 169). Justeru, sekiranya terdapat para pedagang Arab di Kelantan, ini bermakna Islam juga telah dibawa ke Kelantan oleh pedagang-pedagang ini.

Dengan penemuan ini, sejarawan tempatan telah memutuskan bahawa kewujudan Islam di Kelantan adalah sebelum tahun 1181 M dan pandangan mereka disokong dan diperkuatkan oleh *Kitab Jeografi* dan *Tarikh Negeri Kelantan* yang menyatakan Islam telah mempengaruhi pentadbiran dalam negeri Kelantan sejak 1181 M (Abdullah Alwi Hj. Hassan (1996 h: 1) . Ia juga menunjukkan bahawa kerajaan Islam Kelantan telah wujud dalam abad ke 6 H/ 12M lagi (Mohd Zain Salleh 1986 h : 2). Pemerintahan kerajaan Islam ini berterusan sehingga zaman penguasaan Sultan Mahmud Syah Melaka ke atas Kelantan pada tahun 1477 M (Noor Naemah Ab. Rahman 2004 h: 186). Ini

<sup>1</sup> Kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia meliputi negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan termasuk Patani di Selatan Thailand.

<sup>2</sup> Ada pendapat yang mengatakan ia dijumpai pada tahun 1914M.

<sup>3</sup> Iaitu Datu Kelantan Barat (1698-1713) setelah negeri Kelantan dibahagikan kepada Kelantan Timur dan Kelantan Barat oleh Raja Mas Kelantan, pemerintah Patani. Kelantan Timur berpusat di Pangkalan Datu dan Kelantan Barat di Kota Kubang Labu dan keduanya dipisahkan oleh Sungai Kelantan. Lihat Ab. Razak Mahmud (2005), *Ihtisar Sejarah Kelantan*. hh. 14-15.

menunjukkan bahawa Islam telah berkembang di Kelantan lebih awal dari negeri-negeri lain di Tanah Melayu (Mohd Jamil Mukmin 1992 h: 309).

Islam di Kelantan dicatatkan telah bermula sekitar abad ke 13/14 M. Bermula dari tempoh ini serta kefahaman yang kuat tentang Islam, negeri Kelantan telah berperanan besar dalam penerimaan Islam di kalangan penduduk negeri tersebut dalam menguatkan unsur-unsur keimanan dan kepercayaan mereka terhadap Islam (William R.Roff 1974 h: 153).

Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh telah membuat kesimpulan bahawa sekiranya diambil kira tarikh-tarikh pada Batu Bersurat Terengganu dan dua Batu Bersurat di Champa serta penemuan "Pitis Emas" Kelantan, maka ianya membentuk rantai sejarah iaitu pertalian sejarah yang bermula di Champa (1035 dan 1039 M), kemudian Kelantan (1180 M) dan akhirnya Terengganu (1389 M). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Islam telah datang ke Champa, kemudian ke Kelantan dan akhirnya ke Terengganu (Nik Mohamed B.Nik Mohd Salleh (1985 h: 96).

Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa Islam telah berkembang di Kelantan pada abad ke 15 M berdasarkan bukti perkahwinan putera Sultan Mansur Syah Melaka dengan cucu perempuan Sultan Iskandar (1432-1465 M), raja Kelantan (Dr. Ismail Hamid 1985 h: 179). Pemerintahan Sultan Iskandar Syah di Kelantan menunjukkan bahawa Kelantan telah menerima Islam sebelum atau sekitar tahun 1500 M lagi dan zaman pemerintahannya lebih kurang sama dengan zaman pemerintahan Piatu Nakpa, pemimpin Islam pertama di Patani (Anker Rentse 1934 h: 55). Kelantan juga dikatakan menerima Islam apabila ia ditakluki oleh kerajaan Melaka semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1488-1526 M) (Othman Hj. Ishak (1981 h: 51). Ia disebabkan oleh peranan sultan-sultan Melayu Melaka yang menjadikan Melaka sebagai pusat para pendakwah menyebarkan Islam ke seluruh Alam Melayu yang berjaya mengubah gaya hidup dan pemikiran penduduknya (Richard Winstedt 1948 h: 37).

Wan Hussein Azmi pula mengatakan penerimaan Islam di Kelantan adalah lebih awal dari Melaka. Ia berdasarkan pendapat Emanuel Godinho Eredia<sup>4</sup> yang menulis pada tahun 1613 M bahawa Islam terlebih dahulu diterima di Patani dan Pam<sup>5</sup> di pesisiran Pantai Timur, kemudiann barulah diterima dan disebarkan oleh Parameswara di Melaka pada tahun 1411 M (S.Q. Fatimi 1963 h: 67). Di Kelantan juga, terdapat catatan yang menunjukkan negeri tersebut telah menerima Islam terlebih dahulu daripada negeri Melaka iaitu catatan China. Menurut catatan Wang Ta-Yuan dalam *Tao-i Chih-lioh* bahawa telah terdapat sebuah negeri di Pantai Timur Tanah Melayu yang dipanggil *Chi-lan-tan*. Sebahagian besar pengkaji telah bersetuju bahawa ianya adalah Kelantan (Mahayuddin Hj. Yahya (2001 h: 22).

Berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan, kebanyakan sejarawan telah mengaitkan kedatangan Islam ke Kelantan dengan penemuan syiling emas di Kota Kubang Labu yang bertarikh 577 H/1181 M iaitu pada abad ke 12 M sebagai bukti kedatangan Islam ke Kelantan. Walaupun terdapat pendapat-pendapat lain yang dikemukakan, namun ianya berkait rapat dengan kedatangan Islam di negeri-negeri jiran seperti Terengganu dan Patani. Kedatangan Islam ke Kelantan dikaitkan dengan faktor geografi berdasarkan kepada kedudukan negeri-negeri tersebut yang berhampiran dengan Kelantan.

#### 2.4 Islam di Pahang

Catatan China ada menyebut bahawa Pahang dalam sejarah merupakan kawasan pengeluar hasil-hasil tempatan yang penting seperti kayu gaharu, wangi-wangian, timah dan kapur baru sebelum kemunculan Melaka. Ia juga telah menjadi tumpuan pedagang termasuklah para pedagang Islam. Catatan Arab pula menyebut pedagang dan pelaut Arab mengenali Pahang selewat-lewatnya pada abad ke 10 M (Ahmad Jelani Halimi 2008 h: 208). Di samping itu, terdapat bukti tempatan iaitu sepasang batu nesan yang dijumpai di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan dengan tulisan Arab bertarikh 14 Rabie 419 H iaitu bersamaan 999 M. Ia dipercayai merupakan batu nesan seorang tokoh Arab yang berperanan sebagai pendakwah dan pedagang. Pengaruh Islam sudah bertapak di Pahang sebelum kerajaan Melaka lagi dan Pekan merupakan tempat persinggahan pedagang Arab yang sampai di Pahang (Mahayuddin Hj. Yahya 2001 h: 126). Makam ini dikenali dengan " Keramat Teluk Cik Munah " dan sekiranya perkara ini diambil kira, maka Islam di Pahang lebih awal daripada kedatangan Islam ke Melaka (1414 M) dan Terengganu (1303 M) ( Farid Mat Zin 2007 h: 190 ).

Walaupun bukti menyatakan telah ada orang Islam di Pahang pada abad ke 10 M namun tiada bukti menunjukkan Islam tersebar di Pahang pada masa tersebut dan hanya tersebar apabila kerajaan Melaka diasaskan. Pahang ditawan oleh kerajaan Melayu Melaka semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah (1459-1477 M) (Ahmad

<sup>4</sup> Seorang saintis Sepanyol dan ahli matematik Eropah yang pertama mempelajari tentang Gugusan Kepulauan Melayu.

<sup>5</sup> Pam iaitu negeri Pahang.

Jelani Halimi 2008 h: 209). Pahang sebenarnya adalah negeri yang maju kerana berhampiran dengan Melaka yang memperlihatkan perkembangan syiar Islam yang pesat di Pahang. Islam mula berkembang di Pahang setelah ditawan oleh Melaka pada zaman Sultan Mansur Syah (Farid Mat Zin 2007 h: 189 ).

### 2.5 *Islam Di Melaka*

Pengislaman raja Melaka yang pertama merupakan satu kontroversi kerana banyak pendapat yang diambil dari sumber tempatan seperti Sejarah Melayu, sumber-sumber dari China dan Barat adalah bercanggah di antara satu sama lain (Ab. Rahman Abdullah 2003 h: 349). Mengikut catatan China dan Portugis, Melaka dibuka oleh seorang putera dari Palembang bernama Parameswara sekitar tahun 1400/1401 M. Merujuk kepada pendapat Tomes Pires dalam *Suma Oriental*, raja Melaka yang paling awal memeluk Islam ialah Iskandar Syah atau Megat Iskandar Syah iaitu putera kepada Parameswara dan merupakan raja Melaka yang kedua. Manakala Winstedt pula mengatakan Parameswara adalah raja Melaka yang pertama memeluk Islam sekitar tahun 1413/1414 M. Berkemungkinan Parameswara telah memeluk Islam pada tahun 1413 M iaitu beberapa ketika sebelum baginda mangkat pada 1414 M yang ditukar namanya kepada Iskandar Syah. Walau bagaimanapun kebanyakan pendapat meyakini bahawa raja Melaka yang pertama memeluk Islam ialah Parameswara atau Iskandar Syah (Ahmad Jelani Halimi 2008 hh: 226-22). Baginda telah diislamkan oleh Syekh Ab. Aziz dari Makkah dan menukar namanya kepada Megat Iskandar Syah atau Sultan Muhammad Syah (Fairuzah Hj. Basri *et.al.* 2008 h: 101). Ia disokong oleh kenyataan di dalam *Hukum Kanun Melaka* bahawa Iskandar Syah adalah sultan Melaka yang pertama memeluk Islam yang merujuk kepada Parameswara (Amran Kasimin 1993 h: 164).

Di dalam *Sejarah Melayu* mengatakan bahawa raja Melaka yang mula-mula memeluk Islam ialah Sultan Melaka yang ketiga iaitu Sultan Muhammad Syah. Hamka mengatakan pendapat ini ditolak kerana raja Melaka yang pertama iaitu Permaisura (Parameswara) adalah yang pertama memeluk Islam dengan gelaran Sultan Muhammad Syah yang diislamkan oleh Sidi Ab. Aziz dari Jeddah kerana Parameswara hilang hormat kepada agama Hindu yang menjadi dasar Kerajaan Majapahit yang merampas kekuasaannya. Sidi Ab. Aziz mencadangkan namanya ditukar kepada Sultan Muhammad Syah. Menurut Barros, ahli sejarah Portugis, baginda memeluk Islam sekitar tahun 1384 M (Hamka 1980 h: 443) (T.W. Arnold 1979 h: 377).

Dari Melaka Islam telah disebarkan ke semenanjung Tanah Melayu walaupun ia bukan negeri terawal yang menerima Islam. Melaka berperanan dalam mengukuhkan kedudukan agama Islam dalam negeri-negeri Melayu yang lebih awal menerima Islam seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu (Ahmad Jelani Halimi 2008 h: 232). Namun, kebangkitan Kerajaan Melayu Melaka merupakan saat kegemilangan sejarah Islam di rantau Asia Tenggara kerana beberapa faktor iaitu kekuatan politik dan ekonomi yang memperlihatkan Melaka maju sebagai pelabuhan entreport yang penting di rantau ini.

### 3. Analisa Kawasan Bertapak Islam Paling Awal Di Malaysia

Di dalam konteks ilmu sejarah, sumber primer adalah sumber pertama untuk menjamin kesahihan kajian sejarah. Di antara sumber primer tersebut ialah dokumen, ukiran, goresan dan tulisan pada prasasti serta manuskrip yang memberi penjelasan kepada peristiwa, tamadun, amalan agama animisme, peradaban, abad atau zaman-zaman berkenaan. Ia juga didapati daripada maklumat kaji bumi atau arkeologi dalam menyokong kewujudan sesuatu kota lama atau kuno pada zaman yang disebut dalam teks-teks tertentu (Ishak Saat 2010 hh : 7-9).

Contohnya ialah Batu Bersurat Terengganu yang dianggarkan berusia hampir 700 tahun. Ia merupakan batu bersurat yang berukiran paling tua dan tulisan jawi pertama ditemui di Tanah Melayu. Ia juga membuktikan Islam telah sampai ke Terengganu sebelum 1326 M atau 1386 M (Ishak Saat 2010 h : 9). Selain itu, ia adalah di antara negeri terawal menerima Islam kerana berhubung dengan Khmer dan Champa yang menerima Islam sejak abad ke 11 M. Kuala Berang atau *Fo-lo-an* adalah sebuah pelabuhan antarabangsa yang menjadi tumpuan para pedagang termasuk pedagang Islam Arab. Selain itu, penemuan artifak abad ke 13 M iaitu sebuah tembaga purba bertulisan ayat al-Quran (surah *al-Kahfi* dan *al-Taubah*) bertarikh 652 H / 1254 M sebagai alat pertahanan diri adalah di antara bukti Islam telah bertapak di Terengganu pada abad ke 13 M (Ab. Rahman Abdullah 2003 h: 332).

Selain itu, artifak juga merupakan sumber utama dalam sejarah. Artifak merupakan barangan buatan manusia atau peninggalan sejarah seperti alat perkakasan, senjata, bangunan lama, duit dan lain-lain (Ishak Saat 2010 h : 15). Jika dilihat kepada kemasukan Islam di Kelantan, penemuan duit syiling yang bertarikh 557 H iaitu bersamaan 1181 M merupakan antara bukti kukuh penerimaan Islam di Kelantan walaupun ianya belum disepakati oleh para sejarawan. Dr. Ab. Rahman Hj. Abdullah mengatakan perkataan *al-Mutawakkil* yang tertulis pada duit tersebut merujuk kepada gelaran raja. Ia membuktikan kerajaan Islam telah wujud sejak abad ke 12 M di bawah pemerintahan *al-Mutawakkil* kerana pada muka sebelah duit itu ditulis perkataan *al-Julus Kelantan 577* bersamaan

1181 M. Gelaran ini tidak mungkin dinisbahkan untuk khalifah-khalifah yang memerintah Asia Barat kerana tiada yang mempunyai nama sedemikian pada masa tersebut (Ab. Rahman Abdullah 2003 h: 325).

Penemuan batu nesan di Tanjung Ingeris, Kedah dan Pekan, Pahang juga merupakan antara bukti mengenai Islam di negeri-negeri tersebut. Menurut Dr. Mahayuddin Hj. Yahya, Kedah merupakan negeri pertama yang menerima Islam kerana keistimewannya yang terletak di jalan perdagangan laut di antara negara Arab dengan China serta berhubung rapat dengan kerajaan-kerajaan di Sumatera seperti Perlak, Samudera Pasai dan Aceh (Mahayuddin Hj. Yahya 2001 h: 17). Pemberontakan Canton pada abad ke 9 (878 M) menyebabkan ramai orang Arab di Canton berhijrah ke alam Melayu dan pedagang Arab tidak lagi berani berdagang di China dan hanya belayar sampai ke Kedah sahaja. Ditambah lagi dengan penemuan batu nesan di Tanjung Ingeris bertarikh 903 M yang menunjukkan Kedah menerima Islam sejak abad ke 9 M lagi. Usianya lebih tua berbanding batu nesan yang dijumpai di Pekan, Pahang dan Batu Bersurat Terengganu (Mahayuddin Hj. Yahya 2001 h: 18).

Namun, kedatangan Islam ke Tanah Melayu banyak merujuk kepada penerimaan Islam di Melaka pada abad ke 14-15 M. Perkara ini memandangkan sejarah kesultanan Melayu Melaka banyak ditulis dan boleh diperolehi seperti karya *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* oleh Tun Seri Lanang dan wujudnya undang-undang khusus bagi negeri Melaka iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Bukti-bukti bertulis ini sedikit sebanyak memberi pandangan kepada para pengkaji dan penulis sejarah bahawa Melaka adalah negeri terawal menerima Islam di Tanah Melayu berbanding negeri-negeri lain (Temubual dengan Kurator Muzium Negara, Mohd Jamil Bin Haron pada 5 Mei 2012).

Namun perkara ini pernah dibangkitkan oleh pakar sejarah UKM, Allahyarham Prof. Dr. Nik Anuar Nik Mahmud bahawa Melaka bukanlah negeri pertama yang menerima Islam jika kajian sebenar dilakukan oleh para sejarawan di Malaysia. Beliau mengatakan negeri-negeri pantai Timur Tanah Melayu yang paling awal menerima Islam berbanding Melaka. Pada tahun 1613 M, pengembara Sepanyol E.G. de Eredia juga mengatakan kawasan Timur Laut Semenanjung telah menerima Islam terlebih dahulu berbanding Melaka. Sejarah Sung (960-1279 M) juga mencatatkan ramai orang Islam telah berada di sekitar pantai Laut China Selatan pada awal tahun 977 M berketurunan Arab atau Parsi yang dipercayai pelarian dari Canton dan tenggara China. Mereka berperanan dalam menyebarkan Islam di negeri pantai timur seperti Terengganu (Mahayuddin Hj. Yahya 2001 h: 23- 24). Kawasan ini dikatakan menerima Islam sekitar abad ke 10 M (Ahmad Jelani Halimi 2008 h: 194).

Islam juga diperkenalkan di semenanjung Tanah Melayu apabila pelabuhan-pelabuhan seperti Kedah menjadi tumpuan para pedagang Islam dan hubungan ini wujud sejak zaman sebelum Islam lagi. Setelah memeluk Islam, mereka juga berperanan menyebarkan Islam di tempat persinggahan mereka untuk berdagang (Ahmad Jelani Halimi 2008 h: 192). Sebagaimana kesan-kesan awal yang dijumpai di Pahang dan Terengganu, Kedah juga adalah negeri yang terawal menerima Islam di semenanjung Tanah Melayu berbanding Melaka. Dr. Shafie Abu Bakar mengatakan bahawa Melaka bukan negeri pertama yang menerima syiar Islam tetapi ia adalah pusat penyebaran dan pengembangan agama Islam yang utama di alam Melayu (Wan Shamsuddin Bin Mohd Yusof 2012 : 6).

Berdasarkan penerangan-penerangan dan bukti-bukti di atas, maka boleh dikatakan negeri pertama yang menerima dan tersebar syiar Islam di dalamnya ialah negeri Kedah (9 /10 M), Pahang (11 M), kemudian Kelantan (12 M), Terengganu (13 M) seterusnya Melaka (15 M).

## KESIMPULAN

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu atau Malaysia sememangnya menjadi satu polemik yang masih belum mempunyai kata putus oleh para sejarawan untuk menentukan kawasan atau negeri yang pertama menerima Islam sebagai agama anutan. Walaupun terdapat beberapa bukti berbentuk prasasti atau bahan-bahan artifak arkeologi, namun kebenaran tersebut tidak mewajarkan sesebuah negeri itu telah Islam kerana menurut para sejarawan ia memerlukan kajian yang terperinci mengenai perkara tersebut.

Namun, yang pastinya adalah penemuan-penemuan tersebut telah disokong dengan penulisan-penulisan sejarah awal dari sumber China, Portugis ataupun karya-karya tempatan seperti *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* disamping penulisan sarjana-sarjana Barat. Maka, sudah semestinya perkara ini telah dapat dirungkaikan oleh para sejarawan kerana bukti-bukti tersebut telah jelas mengenai kedatangan Islam ke semenanjung. Sekiranya bukti batu nesan itu masih dipertikaikan, persoalannya bagaimanakah pengurusan jenazah orang Islam dapat dilakukan sekiranya tiada orang Islam yang menguruskan jenazah tersebut serta menyembahkannya. Begitu juga dengan Islam di Kelantan dan Terengganu telah terdapat bukti bahawa raja-raja yang memerintah pada masa tersebut adalah Islam berdasarkan kajian sejarah yang dijalankan.

Para sejarawan secara umumnya boleh dikatakan tidak menerima bahawa Melaka adalah tempat pertama menerima Islam kerana berdasarkan fakta, ia menerima Islam pada abad ke 14 / 15 M. Ini kerana negeri-negeri lain seperti Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu ternyata lebih awal menerima Islam. Tetapi kita tidak dapat

menafikan bahawa Melaka menjadi pusat perkembangan dan penyebaran Islam secara meluas di Nusantara kerana Melaka adalah kerajaan Melayu terbilang yang menjadi sebutan para sejarawan termasuklah orientalis Barat.

Kita seharusnya menghayati kata-kata Hamka bahawa kita perlu meyakini sejarah kita sendiri daripada bergantung kepada sumber-sumber Barat. Beliau pernah menyatakan kekecewaannya apabila pendapatnya tentang kemasukan Islam ke Nusantara terus dari Tanah Arab dipertikaikan oleh para sejarawan. Beliau mengatakan perkara sedemikian berlaku kerana beliau bukan sarjana-sarjana Barat dalam bidang sejarah, maka dengan itu ada pendapatnya yang dipertikaikan.

Sebenarnya kertas kerja ini bukanlah satu kajian bagi menentukan tempat-tempat yang disebutkan adalah tempat pertama dan tempat seterusnya menerima Islam. Ia hanya sekadar teori dan membuka jalan berdasarkan analisa konkrit yang dibuat berdasarkan sumber-sumber penulisan sejarah yang boleh diperolehi kini. Ia menjadi peranan pakar-pakar sejarah dalam menentukan kesahihan perkara ini kerana bukti-bukti yang ada telah menyerlahkan kemasukan Islam ke Malaysia. Sewajarnya, perkara ini mesti diberikan perhatian dan pihak-pihak yang arif dalam pensejarahan dalam mengusahakan sesuatu supaya kekaburan ini dapat dirungkai dan dihebahkan kepada anggota masyarakat mengenai fakta sebenar kemasukan Islam ke Malaysia.

## RUJUKAN & BIBLIOGRAFI

- Ab. Rahman Abdullah ( 2003 ), *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara*. KL : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ab. Razak Mahmud (2002), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*.
- Abdullah Alwi Hj.Hassan (1996),*The Administration Of Islamic Law In Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Abdullah Jusoh (1990 ), *Tamadun Islam di Malaysia*, KL : DBP
- Adi Hj.Taha (1987), "Penyelidikan Arkeologi Sejarah Di Kota Kubang Labu Dan Palekbang, Kelantan", *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi Dan Sejarah Malaysia*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Ahmad Jelani Halimi ( 2008 ), *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. KL : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin ( 1993 ), *Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli Di Semenanjung Tanah Melayu*. KL : DBP
- Anker Rentse (1934), *History Of Kelantan 1. Journal Of The Malayan Branch Of The Royal Asiatic Society*, Singapore: Printers Limited.
- Arbaiyah Mohd Noor (2011), "Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu" dalam *Jurnal al-Tamaddun Bil. 6*. KL: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM.
- Dr. Hj. Abdullah Ishak (1992), *Islam Di India, Nusantara Dan China*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Dr. Ismail Hamid (1985), *Pengantar Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Fairuzah Hj. Basri *et.al.* ( 2008 ), *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Shah Alam : UPENA
- Farid Mat Zin ( 2007 ), *Islam Di Tanah Melayu Abad ke 19 M*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn. Bhd.
- G. Coedes (1968), *The Indianized States Of Southeast Asia*. Kuala Lumpur, Singapore: University Of Malaya Press.
- Hamka ( 1980 ), *Sejarah Umat Islam*. KL : Penerbitan Pustaka Antara
- Ishak Saat ( 2010 ), *Penulisan Sejarah*. KL : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Khoo Kay Kim (1983),*Warisan Kelantan II*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Mahayuddin Hj.Yahya (2001), *Islam Di Alam Melayu*. KL : DBP
- Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid (1993), "Peranan Ulama Terhadap Dakwah Islam Di Kelantan: Dari Pondok Ke Sekolah Agama",*Tokoh-Tokoh Pemikir Islam*. Jilid 1, Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Mohd Jamil Mukmin (1992), *Sejarah Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise



- Mohd Mokhtar B. Shafie (1980), "Batu Nesan Kurun Ke 5 H atau 10 M di Pekan, Pahang", *Tamadun Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia
- Mohd Zain Salleh (1986), *Islam Di Negeri Kelantan Darul Naim*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan
- Nik Mohamed B. Nik Mohd Salleh (1985), "Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan" dalam *Warisan Kelantan IV*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Noor Naemah Ab. Rahman (2004), " Sejarah Dan Perkembangan Institusi Fatwa Di Negeri Kelantan", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 19, Julai 2004
- Nor Razi (1982), "Kedatangan Islam Ke Alam Melayu", *Utusan Kiblat*, Bil:146, Oktober 1982\
- Othman Hj. Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Paul Wheatley (1961), *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.
- \_\_\_\_\_ (1964), *Impressions Of The Malay Peninsula In Ancient Time*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.
- Richard Winstedt (1948), *Malaya And Its History*. London: Hutchinson University Library.
- \_\_\_\_\_ (1961), *The Malays A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd
- S.Q. Fatimi ( 1963 ), *Islam Comes To Malaysia*. Singapore : Malaysian Sociological Research Institute.
- Syed Naguib al-Attas ( 1969 ), *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of Malay-Indonesian Archipelago*. KL : DBP
- Syed Naguib Al-Attas (1970), *The Correct Date Of The Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur: Museums Department
- T.W. Arnold ( 1979 ), *The Preaching of Islam*. Lahore : An Ashraf Publication
- Wan Shamsuddin Bin Mohd Yusof ( 2012 ), " *Sejarah Kedatangan Islam Di Kedah : Hubungan dan Peranan Kesultanan Kedah dalam Perkembangannya* ". Majlis Ceramah Pusat Islam UiTM Cawangan Kedah, Merbok anjuran CITU UiTM Kedah pada 7 Jun 2012.
- William R. Roff (1974), *Kelantan: Religion, Society And Politics In Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Yahaya Abu Bakar ( 1991 ), " *Kedah dan Perdagangan Tradisi di Asia Abad Ke 7 Hingga Awal Abad Ke 16 M* " dalam *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, Alor Setar : Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman
- Zainal Abidin Ab. Wahid (ed.) (1971), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.